

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI  
(KUDAT)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 28.10.2015**

**Y.B. DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI [ KUDAT ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah kutipan GST setakat ini. Adakah kutipan ini mampu “offset” pungutan hasil berkaitan petroleum negara yang nampaknya telah mengalami penyusutan hasil kejatuhan harga minyak di pasaran antarabangsa.

**JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan menjangkakan hasil GST pada tahun 2015 sebanyak 27 bilion ringgit dan 39 bilion ringgit bagi

tahun 2016.

GST yang menggantikan Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan (SST) dapat mengurangkan kesan penurunan harga minyak mentah dunia ke atas hasil Kerajaan Persekutuan. Berikutan kejatuhan harga minyak mentah dunia sejak akhir tahun 2014, Kerajaan telah menyemak semula andaian harga purata minyak mentah Dated Brent bagi tahun 2015, daripada USD100 setong kepada USD50 setong. Oleh itu, hasil Kerajaan Persekutuan pada tahun 2015 dianggar berkurang sebanyak RM12.7 bilion daripada 235.2 bilion ringgit (anggaran asal) kepada 222.5 bilion ringgit. Dengan pelaksanaan GST, anggaran pertambahan hasil adalah sebanyak 9 bilion ringgit pada tahun 2015, yang mana mampu "offset" pungutan hasil berkaitan petroleum negara.

Di samping itu, bagi memastikan hasil Kerajaan dapat ditingkatkan, langkah penambahbaikan sistem pentadbiran cukai serta peningkatan pendidikan, pematuhanan dan pengauditan cukai terus dilaksanakan.